

Pupuk budaya mengutamakan tanggungjawab

Dr. M.

DALAM perutusan sempena Hari Kebangsaan 31 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menyeru semua lapisan rakyat Malaysia supaya lebih berdisiplin dan membina budaya yang mengutamakan tanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia haruslah bersyukur kerana negara kita dilindungi daripada kejadian gempa bumi, ribut taufan dan puting beliung serta konflik perkauman seperti yang berlaku di negara-negara lain di dunia yang menyebabkan nyawa beribu-ribu manusia terkorban.

"Sebaliknya jika ada bencana atau malapetaka di Malaysia ia hanya disebabkan oleh kita sendiri.

"Jika bangunan runtuh; jika air sungai menjadi keruh, jika bukit dan gunung yang indah dicemari; jika kemalangan berlaku di jalan raya; jika dadah disalahgunakan dan AIDS merebak — semuanya adalah kerana perbuatan kita sendiri. Maka oleh kerana semua ini disebabkan oleh kita, cara untuk mencegahnya juga terpulang atau terserah kembali kepada kita semua," menurut Perdana Menteri.

Kerana sikap lalai, cuai, tidak berdisiplin dan tidak mengutamakan tanggungjawab/akauntabiliti, pihak yang bertanggungjawab — seperti mana yang dilaporkan sejak kebelakangan ini — berlakulah malapetaka seperti kebakaran, kebodohan dan kecurian yang membabitkan bukan sahaja kerugian kewangan yang besar malah kehilangan nyawa manusia. Ini ternyata jelas menunjukkan ketidakcekapan yang tidak sepatutnya berlaku.

Banyak contoh

Banyak lagi contoh kejadian yang berlaku ini berpunca daripada kealpaan, kelalaian, tiada rasa tanggungjawab pihak tertentu seperti keruntuhan bangunan, kebakaran, penyalahgunaan dadah sehingga menghidap AIDS, pencemaran alam sekeliling dan banyak lagi yang jelas bukan disebabkan oleh orang yang bukan penjenayah yang melakukannya.

Adalah penting bagi rakyat untuk membina dan membentuk budaya yang lebih selamat bagi kita semua dan seruan Perdana Menteri ini perlulah disambut baik oleh semua lapisan rakyat negara ini untuk lebih mengutamakan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan.

Oleh demikian, adalah penting bagi setiap orang bermula dari pegawai dan kakitangan kerajaan, golongan profesional tertentu, polis dan tentera hingga kepada pelbagai lapisan golongan rakyat kaum di negara ini untuk mengamalkan sikap lebih bertanggungjawab terhadap apa juga tugas dan pekerjaan masing-masing bagi membasmi amalan yang tidak sihat yang boleh mencetuskan sesuatu yang tidak diinginkan.

Setiap profesion dan setiap individu perlu melaksanakan tugas dengan lebih bertanggungjawab untuk mengelakkan malapetaka yang berpunca daripada perbuatan sendiri.

Bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang disebabkan perbuatan sendiri ini, kita perlu mengikis sifat tidak bertanggungjawab dan tidak mengabaikan undang-undang dan peraturan yang ada.

Membetulkan diri

Adalah mustahak bagi masyarakat Malaysia menonjolkan sikap membetulkan diri sendiri. Begitu juga kerajaan patut berusaha membuat apa sahaja yang terbaik terhadap apa yang menjadi tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara. Pelbagai profesion pula hendaklah berusaha membuktikan mereka juga mengutamakan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Disiplin, bertanggungjawab dan daya usaha adalah perkara-perkara penting bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Rakyat Malaysia harus sentiasa berlaku positif, bermoral dan berakhlak dalam mengejar kemajuan diri. Ini kerana sebuah masyarakat yang maju, mestilah di antara lain, bermoral dan berakhlak.

Kita perlu insaf dan mempelajari dari pengalaman dan kesilapan kita yang lalu. Segala kekurangan, kelemahan perlu diatasi dengan semangat dan sikap baru yang boleh dibuktikan melalui komitmen dan disiplin, rasa tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap tugas kepada masyarakat dan negara.

Oleh itu, kita perlu menganggap faktor malapetaka yang berpunca daripada perbuatan kita sendiri itu, seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, sebagai satu cabaran untuk kita semua tangani.

Kita perlu membentuk budaya kerja yang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin dan meningkatkan kemajuan diri, masyarakat dan negara.

■Lee Lam Thye ialah ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara.